

UNSUR TARBIYAH DI SEBALIK GAYA BAHASA DIALOG NABI IBRAHIM DENGAN AZAR

Muhamad Khairul Anuar Zulkepli*

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA
mkaz@uitm.edu.my*

Mohd Zulkhairi Abd Hamid

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA

Abstrak: Al-Qur'an merupakan kitab suci agung yang mengandungi kisah para nabi dan umat terdahulu. Setiap nabi yang diutuskan kepada umatnya mempunyai tujuan yang sama iaitu mengajak manusia beriman kepada Allah. Kisah Nabi Ibrahim antara kisah yang dirakamkan dalam al-Qur'an dan perkara yang menarik perhatian ialah sesi dialog yang berlaku antara baginda dan Azar. Perbincangan dan kupasan terhadap kisah yang berlaku antara baginda dan Azar telah dimulakan sejak dahulu dan ia diteruskan hingga kontemporari ini. Namun, perbincangannya berkisarkan aspek penceritaan, pengkisahan, penafsiran dan sebagainya. Kecenderungan di sebalik nilai kesenian gaya bahasa yang tersirat pada dialog Nabi Ibrahim dan Azar kurang diberikan perhatian khusus. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis dan memperhalusi keindahan gaya bahasa dalam dialog Nabi Ibrahim dan Azar serta relevan unsur tarbiyah yang termaktub di sebalik gaya bahasa tersebut. Kajian ini mendasari pendekatan kualitatif dengan menjadikan al-Qur'an sumber premier. Dialog Nabi Ibrahim dan Azar dikenal pasti terkandung dalam surah Maryam yang menjadi korpus kajian. Dialog tersebut akan diperhalusi aspek gaya bahasa dan dikupas secara deskriptif dengan berpandukan idea dan pandangan para ilmuan terdahulu yang telah diutarakan oleh mereka. Hasil kajian mendapati bahawa setiap gaya bahasa yang terkandung pada dialog Nabi Ibrahim dan Azar mempunyai sebab tersendiri dalam menyampaikan mesej dan ia dapat dibuktikan melalui gaya bahasa seruan (*nida'*), *nazm*, gaya bahasa *insya' talabi*, gaya bahasa larangan, aspek pengulangan, *uslub al-khabar* serta *mubtada'* dan *khabar*.

Kata Kunci: Gaya bahasa, dialog, Nabi Ibrahim, tarbiyah

1. Pendahuluan

Al-Qur'an merupakan kalam Allah yang penuh mukjizat dan ia diturunkan kepada manusia sebagai pedoman hidup manusia. Isi kandungannya merangkumi seluruh aspek kehidupan yang memimpin manusia dari kegelapan kepada cahaya. Selain itu, ia juga melakarkan kisah umat-umat terdahulu yang telah diutuskan para anbia'. Namun, kehebatan al-Qur'an bukan hanya sekadar bertumpu kepada isi kandungan atau konten bahkan ia turut mencakupi aspek dialog yang mengandungi mesej tersirat di sebalik wahyu yang termaktub di dalamnya.

Pada amnya, dialog yang termaktub dalam al-Qur'an dizahirkan menerusi kepelbagaian serta keindahan gaya bahasa dan tema. Antara dialog yang dibuktikan al-Qur'an ialah Nabi Ibrahim bersama ayahnya iaitu Azar. Dialog tersebut menunjukkan kepentingan wahyu atau sesuatu mesej yang ingin disampaikan dalam memandu akal baginda secara langsung kepada keimanan dan ketakwaan kepadanya. Ini menunjukkan bahawa dialog ialah satu medium perhubungan dan komunikasi sesama makhluk dan juga antara makhluk dengan penciptanya.

Perbincangan dan kupasan terhadap kisah para anbia' khususnya berkaitan dengan kisah dialog Nabi Ibrahim dan Azar sudah direalisasikan sejak terdahulu. Ia masih diteruskan sehingga ke zaman kontemporari ini dan tradisi ilmiah ini menunjukkan kepentingan kisah para anbia' yang berkait rapat dengan soal kehidupan manusia seagat dan aspek keimanan. Kisah yang berlaku di sebalik perbualan Nabi Ibrahim dan ayahnya dapat diperhatikan menerusi kajian al-Tahhan (2010) yang menghuraikan aspek nilai stilistik dalam kisah Nabi Ibrahim. Menurutnya, nilai stilistik tersebut dapat dilihat pada penilaian aspek suara yang tertera menerusi kekerapan ungkapan panggilan يا أبت (wahai ayahku). Pengulangan tersebut menyerlahkan nilai dari sudut makna dengan ungkapan seruan yang sedemikian menunjukkan kelembutan dalam pertuturan.

*Corresponding author: Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani, Kedah. Email: mkaz@uitm.edu.my

Kedua, kajian Sarah Bufamah (2014) berjudul *Uslub al-Istifham fi Qissah Ibrahim 'Alaih al-Salam Dirasah Nahwiyyah Balaghiyyah* mengupas lanjut berkenaan dengan gaya bahasa pertanyaan yang tertera dalam kisah Nabi Ibrahim. Antara yang disentuh dalam kajian ini ialah satu pertanyaan yang diajukan oleh Nabi Ibrahim kepada ayahnya Azar tentang patung berhala yang disembahnya sedangkan ia tidak boleh mendengar dan melihat. Pertanyaan ini tidak dapat dijawab oleh ayahnya lalu dibalas dengan pertanyaan kepada Nabi Ibrahim tentang kebenciannya terhadap patung berhala tersebut. Kajian ketiga bertajuk *'Alaqah al-'Udul bi Uslub al-Istifham fi Qissah Ibrahim 'Alaih al-Salam Dirasah Balaghiyyah*, Sarah Bufamah (2016) mengetengahkan perbincangan aspek bentuk gaya pertanyaan dalam kisah Nabi Ibrahim yang termaktub dalam al-Qur'an. Bentuk pertanyaan yang tertera dalam kisah Nabi Ibrahim khususnya perbualan antara baginda dengan ayahnya adalah bertujuan memberikan nasihat kepada ayahnya. Dengan menggunakan gaya bahasa pertanyaan ketika berdialog dengan ayahnya, baginda cuba untuk menyampaikan nasihat kepada ayahnya secara halus di sebalik pertanyaan-pertanyaan yang diajukan kepadanya.

Semua kajian yang dinyatakan ini memfokuskan kisah Nabi Ibrahim dengan ayahnya dari aspek gaya bahasa retorik atau *balaghah*. Namun, kupasan dan perbincangan dari aspek gaya bahasa *balaghah* masih boleh diperluaskan lagi dengan mengaitkan unsur-unsur tarbiyah yang diterapkan khususnya menerusi perbualan antara Nabi Ibrahim dengan ayahnya Azar. Semoga artikel ini dapat merungkaikan nilai-nilai tarbiyah positif yang dapat dikaitkan dengan aspek kehidupan.

2. Objektif Kajian

Kajian ini menggariskan objektif seperti berikut:

- a) Menenalpasti dialog Nabi Ibrahim dan Azar yang termaktub dalam al-Qur'an.
- b) Menganalisis dan menghuraikan unsur tarbiyah yang terkandung di sebalik gaya bahasa dialog Nabi Ibrahim dan Azar.

3. Metodologi

Kajian ini berbentuk analisis tekstual dengan menjadikan al-Qur'an sebagai sumber premier dalam menenalpasti dan menganalisis teks ayat-ayat al-Qur'an berkaitan dengan topik kajian. Terdapat sumber lain juga yang diaplikasikan dalam kajian iaitu kajian retorik, tafsir al-Qur'an, kajian linguistik, tatabahasa Arab dan sebagainya.

Penelitian difokuskan kepada al-Qur'an dalam menenalpasti korpus yang dinyatakan. Korpus tersebut dikumpulkan menerusi dua peringkat iaitu menenalpasti ayat-ayat al-Qur'an yang mengandungi dialog Nabi Ibrahim dan Azar. Terdapat satu surah yang dikenalpasti iaitu surah Maryam yang berkisarkan dialog Nabi Ibrahim dan Azar dan ia termaktub pada ayat 41 hingga 48. Peringkat kedua ialah mengesahkan maklumat yang diperolehi melalui beberapa pengkajian yang telah direalisasikan oleh para ilmuan seperti al-Dimasyhi (1997), al-Jaza'iri (2002), Dakhil (2002), al-Dibaji (2003), Dakhil (2003) dan al-Majlisi (2007).

Seterusnya, analisis gaya bahasa yang menjadi kriteria utama dalam menganalisis unsur tarbiyah yang tersirat di sebalik ayat-ayat tersebut. Oleh yang demikian, ayat al-Qur'an yang mengandungi dialog tersebut diperhalusi aspek gaya bahasa dengan berteraskan kepada ilmu *balaghah* yang disusun oleh al-Jurjani (471H) yang telah menginspirasi pembahagian ilmu tersebut kepada *bayan*, *ma'ani* dan *badi'*. Analisis *balaghah* yang disusun oleh beliau bergantung kepada beberapa perkara antaranya tatabahasa, kajian linguistik dan sastera. Oleh itu, apabila unsur-unsur ini diperlukan pada analisis ayat-ayat tertentu ia dihuraikan secara bersesuaian.

4. Analisis Data dan Perbincangan

Setelah meneliti teks-teks al-Qur'an yang berkisarkan penceritaan Nabi Ibrahim, ia termaktub dalam beberapa surah seperti surah Hud, al-Syu'ara', al-Hijr dan beberapa lagi. Namun, kisah Nabi Ibrahim yang memaparkan sesi dialog antara baginda dan ayahnya Azar dapat dilihat dalam lingkungan ayat 41 hingga 49 dari surah Maryam. Berikut diperincikan kupasan dan analisis berkaitan:

1) Ayat 42

(إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ لِمَ تَعْبُدُ مَا لَا يَسْمَعُ وَلَا يُبْصِرُ وَلَا يُغْنِي عَنْكَ شَيْئًا)

Ketika ia berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku, mengapa ayah menyembah benda yang tidak mendengar dan tidak melihat serta tidak dapat menolongmu sedikitpun?” (Maryam 19: 42).

Dalam ayat ini, antara aspek gaya bahasa yang boleh dikupas adalah seperti berikut:

a. Gaya bahasa seruan

Situasi yang digambarkan dalam ayat ini menunjukkan satu bentuk ungkapan kata-kata yang dituturkan oleh Nabi Ibrahim kepada ayahnya. Pengungkapan huruf seruan يا dalam struktur ayat menerangkan bagaimana akhlak dan adab seorang anak ketika memulakan pertuturan dengan ayahnya. Ungkapan tersebut menggambarkan bagaimana Nabi Ibrahim menghormati ayahnya.

Seterusnya, sikap dan rasa hormat baginda ini turut diperlihatkan pada ungkapan يَا أَبَتِ (wahai ayahku) yang diucapkan oleh baginda dalam semua dialog bersama ayahnya. Dalam hal ini, Mahmud Sofi (1995) ada menyatakan bahawa perkataan يَا أَبَتِ ini pada asalnya berbunyi يَا بِي dan huruf ya' tersebut digugurkan lalu digantikan huruf ta' yang bermaksud *mu'annath*¹⁶. Dari pandangan ini, pengkaji berpendirian mengatakan bahawa ungkapan يَا أَبَتِ yang tampil kepada bentuk *mu'annath* ini sebenarnya mengungkapkan dua jiwa dalam satu jasad. Biar pun Nabi Ibrahim mengungkapkan panggilan يَا أَبَتِ (wahai ayahku) kepada ayahnya, ia seolah-olah menggambarkan baginda sebenarnya bercakap dengan dua jiwa atau dua insan iaitu ayah dan ibunya.

Justeru, ungkapan yang diujarkan ini sudah cukup menunjukkan ia satu ungkapan yang tersemat dari lubuk hati baginda dan diucapkan kepada ayahnya. Sungguhpun ayah baginda menyembah berhala, baginda tetap menghormatinya sebagai seorang ayah. Ini adalah satu contoh tarbiyah yang dipamerkan oleh baginda dan ia wajar dijadikan amalan bagi seorang yang bergelar anak. Menerusi firmanNya dalam ayat lain juga ada menyebut tentang adab atau cara bertutur dengan kedua ibu bapa:

(قُلْ تَقَلُّ لَهُمَا أَفٍّ وَلَا تَنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا)

“Maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). (al-Isra' 17: 23).

2) Ayat 43

(يَأْتِ فَذُجَانِي مِنَ الْعِلْمِ مَا لَمْ يَأْتِكَ فَاتَّبِعْنِي أَهْدِكَ صِرَاطًا سَوِيًّا)

“Wahai ayahku, sesungguhnya telah datang kepadaku dari ilmu pengetahuan yang tidak pernah datang kepadamu oleh itu ikutlah daku; aku akan memimpinmu ke jalan yang betul” (Maryam 19: 43).

Berpandukan ayat tersebut, gaya bahasa yang boleh diperhalusi ialah seperti berikut:

a. Nazm¹⁷

Dalam struktur ayat ini, dapat dilihat penggunaan dua kata kerja dalam satu ayat yang sama iaitu *fi'il madhi*¹⁸ (جاء) dan *fi'il mudhari*¹⁹ (يأتي). Ayat ini dimulakan dengan menyebut ilmu pengetahuan telah datang kepada Nabi Ibrahim dan ia dilakarkan dengan menggunakan kata kerja *madhi* kemudian ia disusuli dengan pengungkapan kata kerja berbentuk *mudhari*'.

Dalam hal ini, ilmu pengetahuan yang dimaksudkan dalam konteks ayat merujuk kepada ilmu yang bukan sahaja datang kepada Nabi Ibrahim. Malah, ia juga telah datang dan diberikan kepada nabi-nabi terdahulu sebelum baginda. Ia menunjukkan bahawa ilmu tersebut bukannya ilmu yang diperolehi daripada manusia atau ciptaan manusia tetapi daripada Allah. Hal seperti ini disebut oleh al-Tabari (2000) dengan mengatakan bahawa ilmu yang telah diberikan kepada Nabi Ibrahim ialah satu ilmu yang benar dari Allah.

Pengungkapan kata kerja *mudhari*' (يأتي) yang digandingkan dengan partikel لم pula menerangkan ilmu yang diperolehi oleh Nabi Ibrahim tidak akan pernah sesekali dikurniakan kepada golongan sesat keimanannya iaitu Azar dan seumpamanya. Sungguhpun peristiwa yang dilakarkan ini telah dirakamkan dalam al-Qur'an 1400 tahun yang lalu, kekuatan di sebalik kata kerja *mudhari*' ini mengungkapkan satu realiti bahawa hidayah dan petunjuk itu datangnya dari Allah sejak manusia di

¹⁶ Mu'annath merujuk kepada jantina perempuan (1994)

¹⁷ Nazm ialah susunan perkataan dalam ayat yang menghasilkan gambaran atau keindahan makna (471H)

¹⁸ Fi'il madhi ialah kata kerja yang telah berlaku atau perbuatan yang telah berlaku (1994)

¹⁹ Fi'il mudhari' ialah kata kerja yang sedang berlaku dan akan berlaku (1994)

zaman Nabi Adam hingga ke umat akhir zaman ini. Tuntasnya, manusia tidak berkuasa untuk memberikan hidayah atau membuka pintu hati seseorang insan untuk menerima hidayah petunjuk dariNya kerana itu semua adalah kehendakNya. Walaupun Nabi Ibrahim ialah anak kepada Azar tetapi baginda juga tidak mampu memberikan hidayah petunjuk kepada ayahnya.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa padanan antara kata kerja *madhi* dan *mudhari*' ini merungkaikan satu pengertian yang mendalam kepada manusia bahawa hidayah dan petunjuk ialah satu ilmu pengetahuan yang hanya dimiliki oleh Allah sahaja. Ilmu tersebut telah diberikan kepada semua nabi dan rasul sejak bermula zaman Nabi Adam hingga manusia di akhir zaman ini. Ilmu yang dimaksudkan tersebut ialah ilmu mengenal tuhan yang sebenar. Sebagaimana yang telah digariskan oleh agama bahawa awal agama ialah mengenal Allah dan perkara ini sentiasa didokong oleh para nabi Allah dalam menyampaikan kebenaran terhadap kewujudan tuhan yang satu.

b. Gaya bahasa *Insyā' Talabī*²⁰

Keindahan gaya bahasa ini dapat diperhalusi pada potongan ayat *فَاتَّبَعْنِي أَهْدِكُمْ صِرَاطًا سَوِيًّا*. Fokus gaya bahasa ini ialah pada ungkapan kata kerja *amr* iaitu *اتَّبِعْ* dan ia menggambarkan keilmuan yang dimiliki oleh Nabi Ibrahim dalam struktur ayat tersebut. Menurut al-Sakkaki (1983), *amr* atau perintah pada asasnya menginterpretasikan penggunaannya kepada bentuk arahan yang datang dari seseorang yang berkuasa atau autoriti. Arahan atau perintah tersebut disampaikan kepada seseorang yang tidak berautoriti. Pandangan ini disokong Fadl Hasan Abbas (1985) dan menyatakan lagi bahawa perubahan makna asal *amr* boleh berubah mengikut kontekstual sesuatu ayat.

Dengan berteraskan pandangan tersebut, pengkaji dapat mengatakan bahawa ungkapan kata kerja *اتَّبِعْ* dalam ayat al-Qur'an tersebut merungkaikan maksud petunjuk atau *al-irsyad*. Petunjuk yang ditonjolkan ini dipamerkan menerusi keilmuan yang dimiliki oleh Nabi Ibrahim untuk memimpin ayahnya keluar dari kehidupan yang jauh menyimpang. Keilmuan tersebut merujuk kepada keimanan yang sebenar kepada satu tuhan. Sehubungan itu, baginda diberikan pengetahuan berkenaan dengan kewujudan tuhan yang sewajarnya diyakini dan diimani. Maka, dengan berbekalkan pengetahuan tersebut baginda cuba memujuk supaya meyakini terhadap satu kebenaran yang ingin disematkan dalam sanubari ayahnya.

Kesimpulannya, mesej yang tersirat di sebalik gaya bahasa ini menyerlahkan keyakinan seorang anak untuk menggerakkan hati seorang ayah supaya tidak terus hanyut dengan hidup yang jauh menyimpang dari kebenaran. Lantaran itu, hikmah di sebalik apa yang dipaparkan ini menjadi satu motivasi kepada sesiapa sahaja yang bergelar anak atau ayah bahawa ilmu dan pengetahuan tidak diukur berdasarkan umur atau sesiapa yang jauh lebih tua. Seorang yang tua berhak mengajar seorang yang muda tentang apa jua ilmu pengetahuan begitu juga sebaliknya seorang yang muda juga berhak untuk menyebarkan keilmuannya kepada mereka yang jauh lebih tua dan berusia.

3) Ayat 44

(يَا أَيُّهَا آيَةُ لَا تُعْبُدِ الشَّيْطَانَ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلرَّحْمَنِ عَصِيًّا)

"Wahai ayahku, janganlah ayah menyembah Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu adalah menderhaka kepada Allah yang melimpah-limpah rahmatNya" (Maryam 19: 44).

Dalam konteks ayat tersebut, kesenian gaya bahasa yang terserlah dapat dianalisis seperti berikut:

a. Gaya bahasa larangan

Input utama yang diperhatikan dalam ayat ini ialah satu bentuk larangan daripada Nabi Ibrahim yang mengajar manusia supaya berpesan-pesan dengan kebaikan dan meninggalkan sesuatu yang ditegah. Dalam hal ini, larangan tersebut diungkapkan pada perkataan *لَا تُعْبُدِ* yang diujarkan oleh baginda kepada ayahnya. Gambaran ayat ini memperihalkan bagaimana baginda cuba menasihati dan berpesan supaya tidak menjadikan syaitan sebagai tuhan. Dalam erti kata yang lain, larangan tersebut mengajak ayah baginda meninggalkan penyembahan syaitan.

Apa yang menarik ialah ungkapan *لَا تُعْبُدِ* diungkapkan kepada bentuk *mudhari*' dalam perbualan baginda dengan ayahnya. Sepertimana yang disebutkan oleh al-Samirra'i (2007), pengungkapan

²⁰ *Insyā' Talabī* ialah ungkapan yang mengandungi unsur permintaan yang merangkumi beberapa bentuk ungkapan seperti suruhan, larangan, pertanyaan, harapan dan seruan (2008)

sesuatu kata kerja *mudhari*' ini tidak lain dan tidak bukan menunjukkan sesuatu makna yang berterusan. Rentetan dari kenyataan ini, dapat dikatakan bahawa ungkapan لَا تَعْبُدْ ini ditampilkan dalam ayat tersebut menjelaskan bahawa penyembahan syaitan yang dilakukan oleh ayah baginda akan berterusan dan ia bertitik tolak daripada generasi nenek moyang yang terdahulu. Maka, zahirnya larangan daripada baginda ini sebagai satu pesanan kepada ayahnya supaya menjauhi dan meninggalkan terus perbuatan tersebut.

Dari sudut yang lain, ayat al-Qur'an ini dimulakan dengan menyebut *janganlah ayah menyembah syaitan* dan tidak menyebut *janganlah ayah menyembah berhala*. Ia diungkapkan pada perkataan *al-syaitan* dan tidak dengan perkataan الصنم atau الوثن (berhala) sebagai contoh. Pengkaji berpendapat justifikasi pemilihan perkataan *al-syaitan* dalam konteks ayat tersebut bertujuan menggambarkan penyembahan syaitan akan menjadikan manusia itu derhaka dan terpesong selamanya. Ini kerana syaitan mempunyai keupayaan menguasai diri manusia melalui hati, akal, fikiran dan dalaman manusia secara halus untuk menjadikan manusia turut menyembahnya sebagai tuhan. Sedangkan berhala hanyalah patung semata-mata yang diukir dan disembah. Ia bertopengkan syaitan secara objek tetapi tiada keupayaan atau kuasa seperti syaitan. Justeru, pemilihan perkataan tersebut menunjukkan penyembahan syaitan ialah satu penyembahan yang membahayakan keimanan dan diri.

b. Gaya bahasa pengulangan

Unsur pengulangan ini dapat dilihat menerusi ungkapan لا تعبد الشيطان dan إن الشيطان yang terserlah dalam ayat. Perkataan syaitan diulang sebanyak dua kali kekerapannya dalam ayat yang sama. Dari konteks ayat tersebut juga sudah jelas memperlihatkan kekuatan ayat yang menggambarkan syaitan sebagai makhluk penderhaka.

Sehubungan itu, pengulangan perkataan syaitan menjelaskan pujuk rayu Nabi Ibrahim kepada ayahnya supaya tidak mengikuti jejak langkah syaitan. Hal ini kerana syaitan makhluk penderhaka dan sekiranya ayah baginda mengikuti penyembahan syaitan, ia akan memandunya terpesong jauh dari kebenaran dan rahmatNya. Perkara seumpama ini dinyatakan dalam firman Allah yang berbunyi:

(إِنْ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ إِلَّا إِنْتَانَا وَإِنْ يَدْعُونَ إِلَّا شَيْطَانًا مَرِيدًا)

"*Apa yang mereka sembah yang lain dari Allah itu, hanyalah berhala-berhala (makhluk-makhluk yang lemah), dan mereka (dengan yang demikian) tidak menyembah melainkan Syaitan yang derhaka*" (*al-Nisa*' 4: 117).

Rentetan dari pengulangan ini, Nabi Ibrahim cuba mengajak ayahnya supaya tidak menjadikan syaitan sebagai pegangan akidahnya. Walaupun nasihat dan pujukan baginda ini ditujukan kepada ayahnya, namun ia juga disarankan kepada semua manusia kerana sudah menjadi tugas para nabi dan rasul untuk mengajak dan memimpin manusia kepada akidah yang benar.

4) Ayat 45

(يَأْتِي إِيَّيْ أَحَافُ أَنْ يَمْسَكَ عَذَابٌ مِّنَ الرَّحْمَنِ فَتَكُونَ لِلشَّيْطَانِ وَلِيًّا)

"*Wahai ayahku, sesungguhnya aku bimbang bahawa ayah akan kena azab dari (Allah) Ar-Rahman disebabkan ayah menyembah yang lainnya; maka dengan sebab itu akan menjadilah ayah rakan bagi Syaitan di dalam neraka*" (*Maryam* 19: 45).

Dalam ayat ini, aspek gaya bahasa yang boleh ditonjolkan ialah:

a. Uslub al-Khabar

Penceritaan yang dilakarkan dalam ayat al-Qur'an pada hakikatnya mengandungi satu tujuan atau objektif tersendiri dalam menyampaikan sesuatu mesej untuk difahami. Dalam ayat ini, ia memaparkan satu situasi membimbangkan yang dilahirkan oleh Nabi Ibrahim terhadap ayahnya. Kebimbangan tersebut diperkuatkan menerusi partikel إِيَّيْ (*sesungguhnya aku*) yang merungkaikan tahap kerisauan baginda terhadap ayahnya ialah satu kebimbangan yang amat menakutkan.

Melihat kepada pandangan Fadl Hasan Abbas (1985), ada dinyatakan bahawa aspek *khabar* atau penceritaan mempunyai tujuan tersendiri dalam menyampaikan sesuatu input mesej secara bernas dan mudah difahami. Antara tujuan di sebalik gaya bahasa *khabar* ialah sebagai nasihat atau peringatan (الوعظ). Dengan berasaskan pandangan ini, dapat dikatakan bahawa Nabi Ibrahim menunjukkan keprihatinan baginda kepada ayahnya dengan meluahkan kebimbangan terhadap azab yang akan menimpa ayahnya. Sikap prihatin ini mencerminkan tanda kasih sayang baginda kepada seorang ayah.

Kebimbangan tersebut diungkapkan oleh baginda dalam bentuk nasihat atau peringatan kepada ayahnya. Dari perspektif yang lain, dapat dilihat bagaimana baginda meluahkan rasa bimbang tersebut dengan ungkapan *أَخَافُ* yang ditampilkan dalam ayat tersebut kepada bentuk *mudhari'* dan bukannya *madhi*. Tuntasnya, pengungkapan tersebut menggambarkan satu kebimbangan dari lubuk sanubari baginda kerana takut azab yang akan menimpa bukan hanya kepada ayahnya bahkan hingga seluruh salasilah keturunannya yang akan datang dan masih tetap ingkar serta berpegang kepada penyembahan berhala.

5) Ayat 46

(قَالَ أَرَأَيْتَ أَنْتَ عَنْ آلِهَتِي يَا إِبْرَاهِيمُ لَئِن لَّمْ تَنْتَهَ لِأَرْجُمَنَّكَ وَاهْجُرْنِي مَلِيًّا)

(Bapanya) menjawab: “Patutkah engkau bencikan tuhan-tuhanku, wahai Ibrahim? Demi sesungguhnya jika engkau tidak berhenti daripada menyeru dan menasihati daku sudah tentu aku akan meluntarmu dengan batu; dan (ingatlah lebih baik) engkau tinggalkan daku sepanjang masa” (Maryam 19: 46).

Berpandukan ayat di atas, kupasan aspek gaya bahasa dapat dilihat seperti berikut:

a. Mubtada' dan Khabar

Ayat di atas merupakan jawapan ringkas dan padat yang diujarkan oleh Azar kepada Nabi Ibrahim. Setelah baginda cuba sedaya upaya untuk memujuk dan menasihati ayahnya untuk mengikuti jejak langkah baginda, baginda ditempelak dengan jawapan yang berunsurkan riak dan takabur. Ia dapat diperhatikan pada ungkapan *رَأَيْتَ أَنْتَ*.

Pada asasnya, ungkapan ini berbunyi *رَأَيْتَ أَنْتَ* akan tetapi berlakunya perubahan dari segi kedudukan *mubtada'*²¹ dan *khabar*²² dalam ayat. *Mubtada'* diwakili oleh *رَأَيْتَ* manakala *رَأَيْتَ* pula diwakili sebagai *khabar* dan ia diletakkan diawal ayat bersama huruf *hamzah istifham*²³ sedangkan *mubtada'* diletakkan kemudian dalam ayat tersebut. Natihanya, ia memperlihatkan sifat keegoan dan sombong dalam diri Azar terhadap Nabi Ibrahim. Maka, dapat dikatakan bahawa sebab utama perkataan *raghib* (*khabar*) didahulukan kedudukannya dalam ayat ini sebagai menunjukkan kekerasan hati Azar untuk mengakui pendustaan berhala yang disembah olehnya. Dengan sebab itu, Azar menafikan segala pujukan dan nasihat Nabi Ibrahim kepadanya dan menganggap semua itu ialah tuduhan palsu terhadap penyembahan patung berhala yang diamalkan olehnya.

Oleh itu, bertitik tolak dari jawapan Azar tersebut menjadi titik pemutus segala antara seorang ayah dengan anaknya. Di sini dapat direnungkan bagaimana mungkin seorang ayah akan menafikan kata-kata anaknya yang juga merupakan darah dagingnya sendiri. Justeru, ini menjadi pedoman kepada Nabi Ibrahim untuk kuat bersabar dan terus meninggalkan ayahnya yang berada di pihak batil secara terang-terangan. Demi menyahut kebenaran yang Esa baginda redha dengan apa yang telah ditakdirkanNya.

5. Kesimpulan

Setelah memperhalusi dan mengamati teks al-Qur'an yang mengandungi dialog antara Nabi Ibrahim dan ayahnya Azar, dapat dinyatakan bahawa nilai murni dan akhlak baginda perlu dijadikan contoh dan ikutan khususnya kepada semua manusia yang bergelar anak di atas muka bumi ini. Sungguhpun Nabi Ibrahim dan ayahnya mempunyai perbezaan dari sudut akidah dan agama, namun baginda tetap menghormati orang tuanya dengan penuh rasa hormat dan rendah diri.

Daripada perbincangan dan perbincangan yang telah dilakukan dalam kajian ini, dapatlah disebutkan sifat-sifat baginda yang dilakar berpandukan isi kandungan ayat al-Qur'an ialah hormat kedua ibu bapa sebagai orang tua, berilmu, prihatin serta mengambil berat dengan penuh kasih sayang dan redha dengan ketentuan Allah. Semua sifat tersebut amat wajar dijadikan perhiasan dalam diri manusia tanpa mengira lapisan usia dan agama. Dari sudut gaya bahasa pula, dapat dilihat antaranya gaya bahasa seruan (*nida'*), *nazm*, gaya bahasa *insya' talabi*, gaya bahasa larangan, aspek pengulangan, *uslub al-khabar* serta *mubtada'* dan *khabar*. Semua gaya bahasa ini menyerlahkan lagi nilai mesej yang ingin disampaikan serta menampilkan nilai akhlak murni yang ditonjolkan dalam ayat-ayat al-Qur'an.

²¹ *Mubtada'* ialah subjek dalam sesuatu ayat

²² *Khabar* ialah predikat dalam sesuatu ayat yang menerangkan tentang subjek

²³ *Hamzah istifham* ialah huruf hamzah yang membawa maksud pertanyaan

Kesimpulannya, penyerlahan gaya bahasa dalam al-Qur'an memainkan peranan yang dominan dalam merungkaikan sesuatu input dan mesej tersirat. Dalam erti kata yang lain juga, kepenggunaannya dalam al-Qur'an bertujuan untuk membuka minda manusia supaya dapat menerapkan nilai murni dan akhlak mahmudah yang dipaparkan supaya menjadi amalan yang sehati dalam kehidupan manusia.

Rujukan

- al-Dibaji, al-Sayyid Abu al-Qasim. (2003). *al-Qasas al-Qur'aniyyah*. al-Taba'ah al-Ilktruniyyah.
- al-Dimasyqi, al-Hafiz Imad al-Din Abu al-Fida' Ismail bin Kathir al-Qurasyi. (1997). *Qasas al-Anbia'*. Kaherah: Dar al-Taba'ah wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- al-Ghalayini, Mustafa. (1994). *Jami' al-Durus al-'Arabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Hashimi, al-Sayyid Ahmad. (2008). *Jawahir al-Balaghah*. Beirut: Mu'assasah al-A'la.
- al-Jaza'iri, al-Sayyid Nikmatullah. (2002). *al-Nur al-Mubin fi Qasas al-Anbia' wa al-Mursalin*. Beirut: Mu'assasah al-A'lami li al-Matbu'at.
- al-Jurjani, Abu Bakar Abd al-Qahir bin Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). (2004). *Dala'il al-I'jaz*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.
- al-Jurjani, Abu Bakar Abd al-Qahir bin Abd al-Rahman bin Muhammad (471H). (1991). *Asrar al-Balaghah*. Qaherah: Maktabah al-Khaniji.
- al-Majlisi. (2007). *Qasas al-Anbia'*. Beirut: Dar al-Mahajjah al-Baidha.
- al-Qur'an al-Karim
- al-Sakkaki, Abi Ya'qub Yusuf bin Abi Bakar Muhammad bin Ali. (1983). *Miftah al-Ulum*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Samirra'i, Fadhil Salih. (2007). *al-Ta'bir al-Qur'ani*. Amman: Dar Imar.
- al-Tabari, Abu Jaafar bin Muhammad Jarir. (2001). *Tafsir al-Tabari Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Qaherah: Markaz al-Buhuth wa al-Dirasat al-Arabiyyah wa al-Islamiyyah.
- al-Tahhan, Yusuf Sulaiman. (2010). al-Simat al-Uslubiyyah fi al-Qissah al-Qur'aniyyah Qissah Ibrahim 'Alaih al-Salam. *Majallah Abhath Kulliyah al-Tarbiyyah al-Asasiyyah* 1(3): 205-223.
- Dakhil, Ali Muhammad Ali. (2002). *Qasas al-Anbia'*. Beirut: Dar al-Murtadha.
- Dakhil, Ali Muhammad Ali. (2003). *Qasas al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Dar al-Murtadha.
- Fadl Hassan Abbas. (1985). *al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha*. Irbid: Dar al-Furqan.
- Mahmud Sofi. (1995). *al-Jadwal fi I'rab al-Qur'an wa Sarfihi wa Bayanihi*. Dimashq: Dar al-Rashid.
- Sarah Bufamah. (2014). Uslub al-Istifham fi Qissah Ibrahim 'Alaih al-Salam Dirasah Nahwiyyah Balaghiyyah. Tesis Sarjana, Kulliyah Adab wa al-Hadarah al-Islamiyyah, Jami'ah al-Amir Abd al-Qadir.
- Sarah Bufamah. (2016). 'Alaqah al-'Udul bi Uslub al-Istifham fi Qissah Ibrahim 'Alaih al-Salam Dirasah Balaghiyyah. *Majallah Ulum al-Insaniyyah* 1(46): 263-274.